

**UCAPAN**  
**YB DATUK DR MAXIMUS JOHNITY ONGKILI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI MERANGKAP Pengerusi**  
**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS DEWAN RAKYAT MENGENAI**  
**PERPADUAN DAN KHIDMAT NEGARA**  
**SEMPENA PEMBENTANGAN USUL TERIMA**  
**LAPORAN UTAMA JAWATANKUASA**

TUAN YANG DIPERTUA,

**“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat mengambil ketetapan berikut:-**

**“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan bahawa Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara yang dibentangkan di atas meja mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas Dewan Rakyat Nombor DR 1 Tahun 2007 hendaklah diterima dan dipersetujukan.”**

**BAHAGIAN A. JAWATANKUASA DAN TERMA RUJUKAN**

1. DEWAN RAKYAT PADA 14 DISEMBER 2004 TELAH MELULUSKAN PENUBUHAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERPADUAN DAN KHIDMAT NEGARA DENGAN KETETAPAN SEPERTI BERIKUT:-

- A. JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERPADUAN DAN KHIDMAT NEGARA DITUBUHKAN BAGI MEMBINCANGKAN ISU-ISU PERPADUAN KAUM DAN INTEGRASI NASIONAL YANG BERKAITAN DENGAN PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA;
- B. JAWATANKUASA PILIHAN KHAS TERSEBUT HENDAKLAH TERDIRI DARIPADA ANGGOTA-ANGGOTA YANG BERIKUT:-
  - I. Y.B. DATUK DR. MAXIMUS J. ONGKILI  
(MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)  
SEBAGAI Pengerusi;
  - II. Y.B. DATO' HAJI HASAN BIN MALEK  
(AHLI PARLIMEN KUALA PILAH)
  - III. Y.B. TUAN AHMAD SHABERY BIN CHEEK  
(AHLI PARLIMEN KEMAMAN); - SEHINGGA FEBRUARI  
2006

- IV. Y.B. TUAN LOH SENG KOK  
(AHLI PARLIMEN KELANA JAYA);
- V. Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG  
(AHLI PARLIMEN SEGAMBUT);
- VI. Y.B. TAN SRI DATO' DR. K.S. NIJHAR  
(AHLI PARLIMEN SUBANG);
- VII. Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI  
(AHLI PARLIMEN KAPIT );
- VIII. Y.B. TUAN TIONG THAI KING  
(AHLI PARLIMEN LANANG); - SEHINGGA 13 JUN 2005
- IX. Y.B. DATUK WILFRED MADIUS TANGAU  
(AHLI PARLIMEN, TUARAN);
- X. Y.B. PUAN FONG PO KUAN  
(AHLI PARLIMEN, BATU GAJAH); DAN
- XI. Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN AYUB  
(AHLI PARLIMEN, KUBANG KERIAN);

JIKA PENERUSI TIDAK DAPAT HADIR DALAM SESUATU MESYUARAT, JAWATANKUASA ITU BOLEH MEMILIH SEORANG PENERUSI DARI KALANGAN ANGGOTA-ANGGOTA JAWATANKUASA YANG HADIR YANG AKAN MEMEGANG JAWATANNYA HANYA PADA HARI IA DIPILIH ITU SAHAJA.

- (C) TEMPOH MASA PELANTIKAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS TERSEBUT SELAMA DUA TAHUN;
- (D) JAWATANKUASA PILIHAN KHAS TERSEBUT HENDAKLAH MENGAJI PERKARA- PERKARA BERIKUT:
  - I. MENELITI DAN MEMBINCANGKAN ISU-ISU PERPADUAN NASIONAL YANG MEMPUNYAI KAITAN DAN IMPAK TERHADAP DASAR-DASAR PEMBANGUNAN NEGARA;
  - II. MENCADANGKAN PINDAAN ATAU PERUBAHAN TERHADAP DASAR-DASAR PEMBANGUNAN SEDIA ADA SERTA MENGESYORKAN DASAR-DASAR BARU KE ARAH MEMELIHARA DAN MEMPERKUKUHKAN

PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL DI KALANGAN MASYARAKAT PELBAGAI DI NEGARA INI;

- III. MENGAJI DAN MENELITI AKTA-AKTA YANG BERKAITAN DENGAN PROGRAM-PROGRAM PERPADUAN NEGARA, SEPERTI PERATURAN-PERATURAN PERLU (RUKUN TETANGGA) 1975 DAN AKTA LATIHAN KHIDMAT NEGARA 2002, MEMBINCANGKAN PANDANGAN DAN APA YANG DIKEMUKAKAN SECARA RASMI OLEH PIHAK AWAM SERTA MENGEMUKAKAN CADANGAN PINDAAN TERHADAP AKTA-AKTA YANG BERKAITAN; DAN
- IV. MEMPERAKUKAN CADANGAN-CADANGAN PERUBAHAN DASAR DAN PINDAAN AKTA TERTENTU KEPADA PARLIMEN UNTUK DIPERHALUSI, DIPERTIMBANGKAN DAN DILULUSKAN, SERTA DIAMBIL TINDAKAN OLEH PIHAK-PIHAK YANG BERKAITAN.

- (E) JAWATANKUASA PILIHAN KHAS TERSEBUT HENDAKLAH MENYIAPKAN DAN MEMBENTANGKAN LAPORAN ITU SERTA SYOR-SYOR BERKAITAN DISERAHKAN KEPADA MAJLIS UNTUK DIPERSETUJUKAN ATAU MENGIKUT APA CARA YANG DIPERINTAHKAN OLEH MAJLIS.

2. DEWAN RAKYAT PADA **11 MEI 2006 TELAH MELULUSKAN PERLANTIKAN Y.B. TUAN RAZALI BIN HAJI IBRAHIM**, AHLI PARLIMEN BAGI KAWASAN MUAR SEBAGAI AHLI BARU JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERPADUAN DAN KHIDMAT NEGARA BAGI MENGGANTIKAN Y.B. TUAN AHMAD SHABERY BIN CHEEK, AHLI BAGI KAWASAN KEMAMAN.

3. DEWAN RAKYAT PADA **13 DISEMBER 2006** TELAH MELULUSKAN USUL OLEH YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI UNTUK MELANJUTKAN TEMPOH KUATKUASA JAWATANKUASA **INI YANG BERAKHIR PADA 14 DISEMBER 2006 KEPADA 14 DISEMBER 2007**. PERLANJUTAN TEMPOH JAWATANKUASA DIPERBUAT KERANA JAWATANKUASA MEMERLUKAN MASA YANG LEBIH PANJANG BAGI MENYIAPKAN LAPORAN UNTUK MEMBOLEHKAN DIBUAT SESI PENDENGARAN AWAM KALI KEDUA DAN MEMBUAT SUSULAN KE ATAS ISU-ISU PERTAMA YANG DIBANGKITKAN.

4. ANTARANYA KETIDAKSAMARATAAN SOSIOEKONOMI, PEMBANGUNAN YANG TIDAK SEIMBANG ANTARA WILAYAH DAN DIALOG ANTARA AGAMA. JAWATANKUASA JUGA TELAH DILULUSKAN UNTUK MEMBENTANGKAN LAPORAN JAWATANKUASA KEPADA MAJLIS DALAM

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KESEBELAS YANG AKAN DATANG ATAU LEBIH AWAL DARIPADA ITU.

5. JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERPADUAN DAN KHIDMAT NEGARA (SELEPAS INI DIRUJUK SEBAGAI “JAWATANKUASA”) DENGAN INI MEMBENTANGKAN LAPORAN UTAMA JAWATANKUASA KEPADA MAJLIS SEPERTI KETETAPAN-KETETAPAN DI ATAS.

## **BAHAGIAN B. LAWATAN KERJA DAN TAKLIMAT DARI AGENSI-AGENSI BERKAITAN**

6. SEPANJANG TEMPOH KUATKUASA JAWATANKUASA INI BEBERAPA SIRI LAWATAN KERJA DAN TAKLIMAT TELAH DIADAKAN. LAWATAN KERJA KE BEBERAPA KEM PUSAT LATIHAN KHIDMAT NEGARA DAN KAWASAN RUKUN TETANGGA ADALAH BERTUJUAN UNTUK MENDAPATKAN GAMBARAN TERHADAP TAHAP KESEFAHAMAN DAN SEMANGAT MUHIBAH YANG DIAMALKAN ANTARA KAUM SERTA MENINJAU SEJAUHMANA IANYA MENCAPAI OBJEKTIF KE ARAH PEMBENTUKAN BANGSA MALAYSIA YANG BERSATU DAN BERIDENTITI NASIONAL.

7. SELAIN DARIPADA ITU, IANYA JUGA MEMPERLUASKAN PENGETAHUAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA TERHADAP ISU-ISU DAN CABARAN DI DALAM MEMPERKUKUHKAN PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL TERUTAMANYA UNTUK MEMUPUK SEMANGAT KERJASAMA DAN PERPADUAN YANG DITUNJANGI NILAI MORAL YANG UTUH SERTA SEMANGAT PATRIOTIK KHUSUSNYA GENERASI MUDA. LAWATAN-LAWATAN INI TELAH MEMBANTU AHLI-AHLI JAWATANKUASA DI DALAM PENYEDIAAN LAPORAN SEPERTI YANG DIKEHENDAKI.

8. SELAIN DARIPADA ITU JUGA, JAWATANKUASA TELAH MENJEMPUT MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA DAN IBU PEJABAT POLIS DAERAH PETALING JAYA UNTUK MEMBERIKAN TAKLIMAT BERKENAAN DENGAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN DI TAMAN MEDAN, PETALING JAYA. JAWATANKUASA JUGA MELAKUKAN LAWATAN KERJA KE TAMAN MEDAN, PETALING JAYA UNTUK MENINJAU SENDIRI KEADAAN DI SANA SERTA MENGADAKAN DIALOG BERSAMA WAKIL PENDUDUK TEMPATAN DAN NGO SERTA WAKIL RUKUN TETANGGA.

9. JAWATANKUASA JUGA TELAH MENGADAKAN LAWATAN KERJA KE KANADA PADA 22 HINGGA 29 JULAI 2006 DAN AMERIKA SYARIKAT PADA 31 JULAI HINGGA 2 OGOS 2006 BAGI MELIHAT DAN MENINJAU KEADAAN PERPADUAN SERTA MENELITI DASAR “*MULTICULTURALISM*” YANG DIAMALKAN DI NEGARA TERSEBUT. MANA-MANA AMALAN YANG DIDAPATI SESUAI UNTUK DILAKSANAKAN TELAH DIAMBIL KIRA DALAM PERSIAPAN LAPORAN INI. JAWATANKUASA JUGA TELAH MENELITI

PROGRAM PENGURUSAN KAUM DAN PENDEKATAN YANG TERDAPAT DI DALAM "CANADIAN MULTICULTURALISM ACT".

### **BAHAGIAN C. PENDENGARAN AWAM**

10. SELARAS DENGAN KETETAPAN YANG TELAH DIPERSETUJUI, JAWATANKUASA TELAH MENGADAKAN SESI PENDENGARAN AWAM DENGAN MENEMUI WAKIL-WAKIL PERTUBUHAN, PERSATUAN DAN INDIVIDU DI ENAM (6) BUAH NEGERI MULAI DI BANGUNAN PARLIMEN KUALA LUMPUR, SABAH, SARAWAK, PULAU PINANG, KELANTAN DAN JOHOR.

11. MAKLUMAT MENGENAI TARIKH-TARIKH PENDENGARAN AWAM TERSEBUT TELAH DIMAKLUMKAN MELALUI PEMBERITAHU DI LAMAN WEB PARLIMEN SERTA AKHBAR-AKHBAR UTAMA PELBAGAI BAHASA. TUJUAN PENDENGARAN AWAM DIADAKAN ADALAH UNTUK MENDAPATKAN PANDANGAN DAN CADANGAN-CADANGAN DARI ORANG AWAM SERTA MEMBINCANGKAN ISU-ISU YANG BERKAITAN DENGAN PERPADUAN NASIONAL. SAKSI-SAKSI YANG TERDIRI DARIPADA PERTUBUHAN, PERSATUAN DAN INDIVIDU TELAH TAMPIL KEHADAPAN BAGI MENYUARAKAN CADANGAN DAN SYOR-SYOR SEMASA SESI PENDENGARAN AWAM DIJALANKAN. SELAIN DARIPADA ITU, BEBERAPA INDIVIDU/PERSATUAN JUGA TELAH MENGEMUKAKAN MEMORANDUM KEPADA URUSETIA TANPA MEMBERI KETERANGAN DI HADAPAN JAWATANKUASA.

12. DI DALAM SIRI PENDENGARAN AWAM TERSEBUT JAWATANKUASA TELAH MENERIMA LEBIH DARIPADA **600** CADANGAN-CADANGAN DARIPADA **126** RESPONDEN, TERDIRI DARIPADA WAKIL-WAKIL PERTUBUHAN, PERSATUAN DAN INDIVIDU YANG TELAH TAMPIL SEMASA SESI PENDENGARAN AWAM DIJALANKAN.

13. CADANGAN-CADANGAN YANG DITERIMA ADALAH TERMASUK PANDANGAN-PANDANGAN PIHAK AWAM YANG TELAH MENGHANTARKAN MEMORANDUM TANPA HADIR DI HADAPAN JAWATANKUASA.

14. LANJUTAN DARIPADA SIRI LAWATAN, TAKLIMAT DAN SESI PENDENGARAN AWAM TERSEBUT, PADA 18 HINGGA 20 NOVEMBER 2005 TELAH MENGADAKAN MESYUARAT KHAS BAGI MENENTUKAN PENDEKATAN TUGAS KERJA UNTUK MENGENAL PASTI ISU-ISU DAN CADANGAN YANG TELAH DIBANGKITKAN. MELALUI MESYUARAT KHAS INI, JAWATANKUASA TELAH MERUMUSKAN SUPAYA DIBENTUK **SEMBILAN (9)** JAWATANKUASA KECIL (SUB-COMMITTEES) UNTUK MENGHALUSI SETIAP ISU UTAMA SUPAYA ISU TERSEBUT DIBERIKAN MAKLUM BALAS DENGAN LEBIH TEPAT.

15. ISU UTAMA TERSEBUT IALAH ISU POLITIK, MEDIA DAN TEKNOLOGI, SOSIO-BUDAYA DAN AGAMA, ISU DASAR PERPADUAN, INSTITUSI (SISTEM PENYAMPAIAN), EKONOMI DAN PENDIDIKAN. MANAKALA DUA (2) BUAH JAWATANKUASA LAIN ADALAH JAWATANKUASA ISU PERUNDANGAN DAN PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA YANG DIKETUAI OLEH SAYA SENDIRI.

16. JAWATANKUASA-JAWATAN KUASA KECIL TELAH MEMBINCANGKAN DAN MENELITI KIRA-KIRA **220** CADANGAN DAN RAYUAN-RAYUAN YANG BERKAIT TERUS DENGAN TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA.

17. DI DALAM LAPORAN INI, JAWATANKUASA TELAH MEMBAHAGIKAN KANDUNGAN LAPORAN INI KEPADA LIMA (5) BAHAGIAN UNTUK MEMUDAHKAN PENELITIAN DAN RUJUKAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT.

18. SAYA INGIN MEMAKLUMKAN BAHAWA CATITAN RASMI MESYUARAT-MESYUARAT JAWATANKUASA DAN SESI PENDENGAR AWAM ADALAH TERKANDUNG DALAM CD YANG TELAH DIEDARKAN DI ATAS MEJA MESYUARAT SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA LAMPIRAN **DI BAWAH BAHAGIAN V LAPORAN INI.**

19. MANAKALA **BAHAGIAN AKHIR LAPORAN** INI MERUPAKAN PENGHARGAAN JAWATANKUASA INI KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH MEMBANTU DAN MENYOKONG JAWATANKUASA INI MENJALANKAN TUGAS SEPERTIMANA YANG TELAH DITETAPKAN DI DALAM TERMA RUJUKAN.

#### **BAHAGIAN D. KETETAPAN DAN SYOR-SYOR UTAMA JAWATANKUASA**

TUAN YANG DIPERTUA,

20. SAYA INGIN MELAPORKAN KEPADA DEWAN YANG MULIA INI, BERDASARKAN KEPADA MAKLUMBALAS DAN CADANGAN-CADANGAN DARIPADA INDIVIDU/PERSATUAN/PERTUBUHAN-PERTUBUHAN, JAWATANKUASA MENDAPATI KEBANYAKAN ISU-ISU YANG DISENTUH ADALAH MENGENAI BETAPA PENTINGNYA PERPADUAN ANTARA KAUM DAN INTEGRASI NASIONAL DI DALAM MEWUJUDKAN SUASANA EKONOMI, KEHIDUPAN SERTA KEHARMONIAN MASYARAKAT. BANYAK PANDANGAN YANG DIKEMUKAKAN MELIBATKAN KETIDAKSEIMBANGAN DARI SEGI PENDAPATAN DAN EKONOMI, KOMPOSISI KAUM DALAM PERKHIDMATAN AWAM, AMALAN BERAGAMA, PERHUBUNGAN ANTARA AGAMA SERTA KEHADIRAN PENDATANG ASING TANPA IZIN. HASIL DARIPADA MAKLUMBALAS TERSEBUT, DI ANTARA PERKARA-PERKARA YANG DISYORKAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:-

## 21. DASAR PERPADUAN NEGARA

- 21.1 JAWATANKUASA BERPENDAPAT UNSUR-UNSUR DASAR PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL TELAH SEDIA ADA TERKANDUNG DI DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN, RUKUN NEGARA, DASAR-DASAR EKONOMI, DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN, DASAR SOSIAL NEGARA DAN DASAR-DASAR LAIN. OLEH YANG DEMIKIAN SATU DASAR SECARA KHUSUS MENGENAI PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL ADALAH TIDAK DIPERLUKAN.
- 21.2 WALAUBAGAIMANA PUN, UNTUK MEMANTAPKAN LAGI PERPADUAN YANG TELAH SEDIA TERJALIN SATU GARIS PANDUAN UNTUK 'MULTI- CULTURALISM POLICY' ATAU FALSAFAH MULTICULTURALISMA PERLU DIBENTUK. INI ADALAH UNTUK MEMASTIKAN DASAR/PROGRAM PEMBANGUNAN YANG HENDAK DILAKSANAKAN MESTI MENGAMBILKIRA CIRI KEPELBAGAIAN YANG TERDAPAT DI NEGARA INI. DALAM MEMASTIKAN PENCAPAIAN MATLAMAT/OBJEKTIF SESUATU PROGRAM, FAKTOR INI JUGA DAPAT MEMBANTU KE ARAH PEMUPUKAN SEBUAH MASYARAKAT MALAYSIA YANG SALING HORMAT MENGHORMATI, BERPRASANGKA BAIK, BERTOLERANSI SERTA MEMILIKI JATI DIRI YANG KUKUH.
- 21.3 SATU SISTEM AUDITAN YANG MEMBERI PENEKANAN KEPADA "UNITY IMPACT ASSESSMENT (UIA)" BOLEH DIGUNAPAKAI BAGI MEMASTIKAN SETIAP PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN TIDAK MENYIMPANG DARI LANDASAN PERPADUAN DAN INTEGRASI DI SAMPING MEMASTIKAN MATLAMAT-MATLAMAT PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN TERCAPI.

## 22. JENTERA PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL

- 22.1 **JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)**  
PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL ADALAH MERUPAKAN SALAH SATU MATLAMAT UTAMA RANCANGAN MALAYSIA KE SEMBILAN (RMK9). OLEH KERANA ITU, JAWATANKUASA BERPENDAPAT JABATAN PERKHIDMATAN AWAM DISARAN SUPAYA MEMPERCEPATKAN CADANGAN PENSTRUKTURAN SEMULA ORGANISASI YANG TELAH DIPOHON OLEH JPNIN. INI ADALAH BAGI MEMASTIKAN AGENSI

BERKENAAN MEMPUNYAI KEKUATAN UNTUK MELAKSANAKAN SEGALA TANGGUNGJAWABNYA DENGAN BERKESAN.

22.2 BERDASARKAN PANDANGAN-PANDANGAN UMUM JUGA, BEBERAPA PINDAAN KE ATAS PERATURAN-PERATURAN PERLU (RUKUN TETANGGA) 1975 HARUS DIBUAT UNTUK MEMASTIKAN TADBIR URUS RUKUN TETANGGA MENJADI LEBIH BERKESAN. SALAH SATU DARIPADANYA IALAH:

22.3 **MEMBERI PELEPASAN KERJA PADA PEMASTAUTIN SUKARELAWAN YANG TERLIBAT DALAM RONDAAN SUKARELA DAN TELAH BERTUGAS SELAMA MELEBIHI 4 JAM SELEPAS JAM 12.00 MALAM SERTA GILIRAN BERTUGAS TIDAK LEBIH DARI DUA KALI DALAM TEMPOH SEBULAN.**

22.4 PERUNTUKAN INI AKAN MENGGALAKKAN LEBIH BANYAK ANGGOTA RT MELIBATKAN DIRI DALAM AKTIVITI RONDAAN MELALUI SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS) DAN SEKALIGUS MEMBANTU MENGURANGKAN KADAR JENAYAH DI KAWASAN-KAWASAN RUKUN TETANGGA.

### 23. **PENDIDIKAN DAN PERPADUAN KAUM**

TUAN YANG DIPERTUA,

INSTITUSI PENDIDIKAN IALAH SATU **TEMPAT PALING SESUAI DAN PALING BERKESAN UNTUK MEMUPUK PERPADUAN.** PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN DALAM BIDANG SEJARAH, POLITIK, ADAT RESAM DAN NILAI-NILAI MURNI DAPAT MELAHIRKAN GENERASI YANG BERTOLERANSI, PEKA PADA SENSITIVITI KAUM SERTA MEMAHAMI ASPIRASI NEGARA.

23.1 RANCANGAN INTEGRASI MURID UNTUK PERPADUAN (RIMUP) PERLU DILAKSANAKAN DENGAN SEGERA DAN DISELARASKAN DENGAN SEMPURNA. KERANA TERKANDUNG DI DALAMNYA OBJEKTIF YANG BAIK DI MANA IANYA MENGGALAKKAN PENYERTAAN MURID DAN MASYARAKAT SETEMPAT PELBAGAI KAUM MELALUI PROGRAM PEMBELAJARAN DAN AKTIVITI-AKTIVITI SUKAN DAN PERMAINAN, PERARAKAN DAN PERHIMPUNAN SERTA AKTIVITI-AKTIVITI KHIDMAT MASYARAKAT.

23.2 PENGAJARAN MODUL PERHUBUNGAN ETNIK DI IPTA MERUPAKAN SATU LANGKAH YANG BIJAK DI DALAM USAHA MEMPERTINGKATKAN PERPADUAN ANTARA KAUM DAN MENGURANGKAN POLARISASI SERTA MEMATANGKAN SEMANGAT PATRIOTISME. INI ADALAH KERANA ELEMEN-ELEMEN BUDAYA, ETNIK, SEJARAH SERTA MORAL DISERAPKAN DI DALAM MODUL INI. JAWATANKUASA BERPENDAPAT PELAKSANAAN DAN PENDEKATAN MODUL INI HARUS DISEMAK DARI MASA KE SEMASA. PEMILIHAN TENAGA PENGAJAR YANG SESUAI IAITU BERKEMAHIRAN DAN BERPENGETAHUAN SEJARAH SERTA PEKA KEPADA PERIHAL PERPADUAN PERLU DIPASTIKAN SUPAYA PELAKSANAANNYA MENCAPAI MATLAMAT YANG DIGARISKAN.

23.3 JAWATANKUASA JUGA BERPENDAPAT SUPAYA KELAB RUKUN NEGARA DIPERLUASKAN DI SEKOLAH DAN IPTA / IPTS. PELAJAR-PELAJAR HENDAKLAH DIWAJIBKAN MENYERTAINYA DAN PERSATUAN YANG BERCORAK ETNIK HENDAKLAH DIBENDUNG. DENGAN CARA INI ISU POLARISASI DI KALANGAN PELAJAR DAPAT DIKURANGKAN.

#### **24. PELAKSANAAN DASAR DAN PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI**

TUAN YANG DIPERTUA,

24.1 JAWATANKUASA BERPENDAPAT BAHAWA UNTUK MEMANTAPKAN PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL DI KALANGAN RAKYAT, PELAKSANAAN DASAR DAN PROGRAM SEHARUSNYA TIDAK MEWUJUDKAN KETIDAKSEIMBANGAN SESAMA KAUM DAN DI ANTARA KAUM. KEPERLUAN SETIAP DASAR KERAJAAN HENDAKLAH MENJURUS KEPADA WAWASAN 2020 IAITU BERDASARKAN KEPADA PEMBENTUKAN BANGSA MALAYSIA TANPA MENGIRA KAUM DAN JURANG ANTARA MEREKA.

24.2 JAWATANKUASA MENEGASKAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN HENDAKLAH SENTIASA DILAKSANAKAN TANPA MENGIRA KAUM DENGAN MEMBERIKAN BANTUAN KEPADA SEMUA PIHAK YANG MEMERLUKAN DAN MELETAKKAN KEPENTINGAN RAKYAT DI DALAM SETIAP PROGRAM PELAKSANAAN PEMBASMIAN KEMISKINAN.

24.3 JAWATANKUASA BERSETUJU KEDUDUKAN DAN KEPERLUAN SOSIO-EKONOMI MINORITI BUMIPUTRA SABAH DAN SARAWAK HENDAKLAH DIBERIKAN PERHATIAN KHUSUS. PELUANG-PELUANG KEUSAHAWANAN DAN PEMBERIAN KONTRAK HENDAKLAH BERDASARKAN KEPADA KEMAMPUAN DAN KEMAMPUAN DAN KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA KONTRAKTOR TEMPATAN DI NEGERI-NEGERI BERKAITAN. INI AKAN MEMBANTU MENGURANGKAN JURANG KETIDAKSEIMBANGAN PENDAPATAN DI ANTARA BANDAR DAN LUAR BANDAR DAN ANTARA KAUM-KAUM DI WILAYAH TERSEBUT.

## 25. PEMBANGUNAN WILAYAH TIDAK SEIMBANG

JAWATANKUASA BERPENDAPAT KERAJAAN MEMPUNYA 'POLITICAL WILL' BAGI MELAKSANAKAN AGENDA PERPADUAN DI NEGARA INI. DI SAMPING ITU AGENDA PEMBANGUNAN NEGARA JUGA ADALAH MEMPUNYAI MATLAMAT YANG SAMA UNTUK MENCAPAI PERPADUAN ANTARA WILAYAH DAN PERPADUAN NEGARA. JAWATANKUASA SEBULAT SUARA BERSETUJU BAHAWA PENGAGIHAN PELUANG EKONOMI YANG TIDAK SEIMBANG AKAN MEWUJUDKAN RASA TIDAK PUAS HATI DAN MENYUMBANGKAN PERASAAN KECEWA DI KALANGAN RAKYAT. KEADAAN INI AKAN MUDAH MENCETUSKAN SUASANA TEGANG DALAM MASYARAKAT. JUSTERU, PENGAGIHANNYA PERLU LAH LEBIH ADIL DAN PELAKSANAAN DASAR PROGRAM MESTILAH TIDAK MEWUJUDKAN KETIDAK SEIMBANGAN DI KALANGAN SESAMA DAN ANTARA KAUM.

25.1 JAWATANKUASA BERPENDAPAT BAHAWA KETIDAKSEIMBANGAN ANTARA WILAYAH SABAH, SARAWAK DAN SEMENANJUNG BOLEH DIKURANGKAN MELALUI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR ASAS. AGENDA PEMBANGUNAN NEGARA SEPerti DI DALAM DASAR WAWASAN NEGARA (2001-2010) PERLU DIREALISASIKAN MATLAMATNYA UNTUK MEMBINA MASYARAKAT YANG LEBIH BERSATUPADU DAN SAKSAMA.

25.2 JAWATANKUASA JUGA BERPENDAPAT KERAJAAN MESTILAH MENGURANGKAN KETIDAKSEIMBANGAN SOSIO EKONOMI DI ANTARA NEGERI-NEGERI MAJU DAN KURANG MAJU DI SEMENANJUNG DENGAN MEMPELBAGAIKAN ASAS EKONOMI DAN MEMBANGUNKAN AKTIVITI BERASASKAN PENGETAHUAN DAN PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR SOSIAL YANG LEBIH BAIK DI NEGERI YANG KURANG MAJU.

## **26. POLITIK DAN PERPADUAN KAUM**

POLITIK SERINGKALI MENJADI ELEMEN YANG MUDAH UNTUK MENCETUSKAN KETEGANGAN. NAMUN BEGITU POLITIK JUGA BERUPAYA MENYATUKAN MASYARAKAT MELALUI POLITIK PELBAGAI KAUM. OLEH KERANA ITU JAWATANKUASA BERPENDAPAT SUPAYA LANGKAH HARUSLAH DIAMBIL UNTUK.

- 26.1 MEMPERKASAKAN POLITIK PELBAGAI KAUM DENGAN MENGUTAMAKAN PERPADUAN SEBAGAI WADAH PERJUANGANNYA.
- 26.2 MENGADAKAN KOD ETIKA POLITIK BAGI MENYEKAT DAN MENGHALANG PARTI-PARTI POLITIK MENGAMALKAN POLITIK YANG BERBAU PERKAUMAN.
- 26.3 MEMBENTUK SIKAP AKOMODASI DAN TOLERANSI DI KALANGAN AHLI-AHLI PARTI POLITIK MASING-MASING SUPAYA SENTIASA MEMBUDAYAKAN PERPADUAN DAN MERAIKAN KEPELBAGAIAN MASYARAKAT MALAYSIA.

## **27. PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI) DAN PELARIAN**

JAWATANKUASA MAKLUM BAHAWA KEHADIRAN/KEMASUKAN PATI BUKAN SAHAJA MENIMBULKAN MASALAH KESELAMATAN TETAPI JUGA MEMBERI KESAN KEPADA PERPADUAN DI KALANGAN MASYARAKAT TEMPATAN. KEHADIRAN MEREKA MEMBERI ANCAMAN DAN INI MENIMBULKAN KERESAHAN DALAM MASYARAKAT DI NEGARA INI. LANGKAH-LANGKAH YANG STRATEGIK DAN LEBIH BERKESAN MESTILAH DIAMBIL SUPAYA MASALAH-MASALAH PATI YANG TELAH BERADA DI NEGARA KITA DAPAT DIURUSKAN DENGAN BAIK DAN TERATUR. OLEH KERANA ITU, JAWATANKUASA MENCADANGKAN ANTARA LAIN;

- 27.1 MENYEKAT KEMASUKAN BARU PATI DENGAN MEMANTAPKAN LAGI KAWALAN DI KAWASAN PERSEMPADANAN NEGARA DAN PINTU-PINTU KEMASUKAN DI SELURUH NEGARA SERTA Mencari PENYELESAIAN MASALAH KEHADIRAN MEREKA DI DALAM NEGARA.
- 27.2 MEMANTAPKAN LAGI PENGUATKUASAAN DENGAN MENGADAKAN OPERASI PENANGKAPAN YANG LEBIH AGRESIF DAN BERTERUSAN DENGAN MELIBATKAN KERJASAMA DENGAN PELBAGAI KEMENTERIAN DAN AGENSI LAIN YANG BERKAITAN.

- 27.3 MEMPERBANYAKKAN PUSAT-PUSAT TAHANAN PATI SUPAYA DAPAT MENAMPUNG TANGKAPAN YANG LEBIH BANYAK.
- 27.4 MENYELESAIKAN MASALAH ORANG-ORANG PELARIAN DI SABAH IAITU PEMILIK IIM 13 YANG SUDAH HADIR DI SITU LEBIH DARIPADA 20 TAHUN TETAPI MASIH BERSTATUS PELARIAN ATAU REFUGEES”
- 27.5 PEMILIK DOKUMEN PALSU DAN HARAM MESTILAH DIKENALPASTI DAN DIAMBIL TINDAKAN YANG TEGAS KE ATAS MEREKA SEPERTI PENGHANTARAN PULANG KE NEGARA ASAL DAN MENARIK BALIK KERAKYATAN YANG TIDAK SAH ATAU DIBERI MELALUI PROSEDUR YANG TIDAK TERATUR.
- 27.6 MASALAH KANAK-KANAK TANPA KEWARGANEGARAAN MESTILAH DISELESAIKAN.
- 27.7 PATI DALAM DAFTAR PEMILIH MESTILAH DIBERSIHKAN.

## 28. **MEDIA**

JAWATANKUASA BERPENDAPAT MEDIA MEMAINKAN PERANAN PENTING UNTUK MENGUKUHKAN LAGI PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL. OLEH KERANA ITU JAWATANKUASA MENYARANKAN ANTARA LAIN SUPAYA MEDIA DI NEGARA KITA INI;

- 28.1 MEMAINKAN PERANAN DENGAN KETARA UNTUK MEMUPUK INTEGRASI DAN MEMPAMERKAN HUBUNGAN KAUM MAJMUUK. DENGAN INI SOKONGAN DARI INDUSTRI TEMPATAN DIPERLUKAN UNTUK MEMBANTU KERAJAAN KE ARAH MENCAPAI MATLAMAT PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL MELALUI MEDIA.
- 28.2 MEMPERKEMASKAN PROGRAM-PROGRAM SIARAN RADIO DAN TELEVISYEN DENGAN MEMPERBANYAKKAN SIARAN MASYARAKAT YANG MENGGUNAKAN DIALEK TEMPATAN DAN DISIARKAN PADA WAKTU YANG SESUAI.
- 28.3 MEDIA PERLU MEMASTIKAN SUPAYA CERITA KEJAYAAN SESUATU KAUM DAN CERITA YANG BERCORAK BUDAYA TEMPATAN PERLULAH DIPERBANYAKKAN. PERLU DIKURANGKAN FILEM-FILEM BERBENTUK TRAGIS DAN CERITA YANG KURANG PENGISIAN SERTA DIKURANGKAN KEMASUKAN FILEM-FILEM IMPORT YANG TIDAK

MENYUMBANG KEPADA PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL.

**29. PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA DAN PERPADUAN NASIONAL**

TUAN YANG DIPERTUA,

- 29.1 PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN) MERUPAKAN SATU PROGRAM YANG DAPAT MENJADI PEMANGKIN KEPADA PEMBENTUKAN PERPADUAN NEGARA. PENYERTAAN DAN PENGLIBATAN DARI SEMUA KAUM SAMA ADA LELAKI ATAU PEREMPUAN, BERTERASKAN RUKUN NEGARA DAN MEMPUNYAI KURIKULUM *MULTI-DISIPLIN* MENJADI ASAS UTAMA PEMUPUKAN SEMANGAT MUHIBAH PELBAGAI KAUM DAN LATAR-BELAKANG DALAM PELAKSANAAN PLKN.
- 29.2 JAWATANKUASA MENYEDARI BAHAWA MASIH TERDAPAT KELEMAHAN-KELEMAHAN DI DALAM PELAKSANAAN PLKN. ANTARANYA TERMASUKLAH ASPEK PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN KUALITI, KESELAMATAN DAN KESIHATAN KEM-KEM PLKN. JAWATANKUASA SEDIA MAKLUM BERKENAAN USAHA DAN LANGKAH-LANGKAH PENAMBAHBAIKAN YANG TELAH DAN SEDANG DIJALANKAN OLEH JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA (JLKN). INI ADALAH UNTUK MEMASTIKAN KEMUDAHAN DAN INFRASTRUKTUR KEM-KEM PLKN ADALAH SELAMAT UNTUK DIGUNAKAN DAN PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI DIBERIKAN KEPADA PELATIH.
- 29.3 NAMUN BEGITU, JAWATANKUASA INGIN MENCADANGKAN AGAR USAHA DAN KOMITMEN TERSEBUT DIPERTINGKATKAN LAGI SUPAYA MASALAH KUALITI INFRASTRUKTUR, KEMUDAHAN DAN SAJIAN MAKANAN SERTA KESELAMATAN KE ATAS PELATIH TERJAMIN DAN SEKALIGUS DAPAT MENJAYAKAN PELAKSANAAN PLKN DENGAN LEBIH BERKESAN LAGI.
- 29.4 JAWATANKUASA MENYOKONG USAHA JLKN DAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA UNTUK MEMBINCANGKAN ISU DAN MASALAH KESIHATAN YANG DIALAMI OLEH PELATIH-PELATIH PLKN YANG MENYERTAI PLKN. JAWATANKUASA BERPENDAPAT BAHAWA PELATIH-PELATIH PLKN ADALAH PERLU MENJALANKAN TAPISAN KESIHATAN YANG LEBIH TELITI DAN MENYOKONG USAHA

MEWUJUDKAN SATU SISTEM PEMERIKSAAN KESIHATAN BAGI PELATIH TANPA MEMBEBANKAN MANA-MANA PIHAK YANG TERLIBAT. JAWATANKUASA JUGA TURUT MENYOKONG CADANGAN UNTUK MENEMPATKAN PEGAWAI KESIHATAN YANG BERKELAYAKAN DI SETIAP KEM PLKN UNTUK MEMBANTU MENGATASI MASALAH KESIHATAN PELATIH-PELATIH PLKN.

- 29.5 DALAM PERKARA MODUL PLKN JAWATANKUASA BERPENDAPAT BAHAWA KURIKULUM DAN MODUL PENGAJARAN PERLU SENTIASA DIKEMAS KINI DAN DIBUAT PENAMBAHBAIKAN SELARAS DENGAN KEPERLUAN SEMASA DEMI UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF DAN MATLAMAT PLKN. DI SAMPING ITU, JURULATIH/TENAGA PENGAJAR YANG MERUPAKAN SALAH SATU ELEMEN PENTING DALAM PLKN PERLU SENTIASA DIPERTINGKATKAN KEMAHIRAN MASING-MASING.
- 29.6 JAWATANKUASA BERPENDAPAT JURULATIH-JURULATIH PLKN JUGA PERLU DIPASTIKAN SUPAYA MELIPUTI PELBAGAI KAUM, BUKAN SAHAJA UNTUK MENCERMINKAN FALSAFAH PLKN TETAPI JUGA MEMBANTU MENYOKONG KEBERKESANAN DAN PENCAPAIAN OBJEKTIF ASAL PLKN.
- 29.7 JAWATANKUASA JUGA BERPENDAPAT ADALAH BAIK SEKIRANYA SEORANG KAUNSELOR YANG TERLATIH DAPAT DITEMPATKAN DI KEM-KEM PLKN UNTUK MEMBERI BIMBINGAN DAN NASIHAT KEPADA PELATIH-PELATIH TERUTAMANYA YANG BERMASALAH.
- 29.8 JAWATANKUASA MENGALU-ALUKAN TINDAKAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA YANG TELAH MELAKSANAKAN PROJEK PERINTIS PRA PLKN. PROGRAM INI PERLU DIPERLUASKAN DAN DILAKSANAKAN MELALUI KEGIATAN KOKURIKULUM SERTA SUKAN DAN PERMAINAN.
- 29.9 DARI SEGI HAL PERUNDANGAN JAWATANKUASA MENCADANGKAN SUPAYA PINDAAN KE ATAS AKTA LATIHAN KHIDMAT NEGARA 2003 (AKTA 628) PERLU DIBUAT UNTUK MENGATASI KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG WUJUD DALAM AKTA TERSEBUT. PINDAAN YANG DICADANGKAN ADALAH DARI SEGI HUKUMAN DI BAWAH SEKSYEN 18 AKTA PLKN 2003 (AKTA 628) DAN CARA PEMBERITAHUAN NOTIS DI BAWAH SEKSYEN 17.

29.10 TUJUAN PINDAAN KEPADA SEKSYEN 17 IALAH UNTUK MEMASTIKAN PENYAMPAIAN NOTIS DIANGGAP SEMPURNA UNTUK MEMBOLEHKAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG DIAMBIL KE ATAS SESEORANG YANG INKAR UNTUK MENGHADIRI PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA. PINDAAN KEPADA SEKSYEN 18 IALAH UNTUK MEMBOLEHKAN KEPUTUSAN SECARA TERUS (DIRECT) HUKUMAN KHIDMAT MASYARAKAT DIGUNAKAN OLEH PIHAK MAHKAMAH SEBAGAI HUKUMAN ALTERNATIF.

### **30. ISU-ISU SOSIO-BUDAYA DAN AGAMA**

JAWATANKUASA TELAH MENERIMA PELBAGAI PANDANGAN DAN ADUAN DARIPADA AWAM MENGENAI ISU SOSIO BUDAYA DAN AGAMA. ANTARA SYOR-SYOR JAWATANKUASA ADALAH SEPERTI BERIKUT:

30.1 JAWATANKUASA BERPENDAPAT BAHAWA WAKIL-WAKIL AGAMA PERLU SENTIASA DIBERI RUANG UNTUK BERDIALOG SESAMA MEREKA DALAM KEADAAN HARMONI.

30.2 JAWATANKUASA BERPENDAPAT BAHAWA KERAJAAN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DAN PIHAK PEMAJU HENDAKLAH MEMASTIKAN PERUNTUKAN TEMPAT DAN PENYEDIAAN RUANG IBADAT BUKAN ISLAM YANG DINYATAKAN DALAM GARIS PANDUAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN SEJAGAT (PIAWAIAN PERANCANGAN JPBD 4/2000) HENDAKLAH DITEPATI, DIPENUHI DAN DILAKSANAKAN DENGAN TEGAS, CEKAP DAN BERKESAN.

30.3 JAWATANKUASA BERPENDAPAT BAHAWA AGAMA MEMAINKAN PERANAN YANG AMAT PENTING DALAM USAHA KITA UNTUK MEMBENTUK GENERASI YANG BERPENGETAHUAN TINGGI DAN MEMPUNYAI NILAI-NILAI YANG MURNI. PENYAMPAIAN NILAI-NILAI MURNI INI AKAN MENJADI PEGANGAN ANAK-ANAK MUDA UNTUK MENANGKIS SERANGAN DUNIA BARAT DARI SEGI BUDAYA NEGATIF SERTA MENGELAKKAN DARI TERLIBAT DALAM PENYALAHGUNAAN DADAH, PEMBABITAN JENAYAH DAN MASALAH-MASALAH SOSIAL YANG LAIN.

30.4 SEBENARNYA PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG SEDIA ADA MEMBOLEHKAN PENGAJARAN AGAMA SELAIN DARIPADA AGAMA RASMI NEGARA DI SEKOLAH-SEKOLAH

BANTUAN KERAJAAN DENGAN SYARAT TERTENTU SEPERTIMANA YANG TERKANDUNG DALAM AKTA PENDIDIKAN 1996 (AKTA 550) SEKSYEN 51.

AKTA PENDIDIKAN 1996 (AKTA 550) SEKSYEN 51 BERBUNYI:

**PENGELOLA *INSTITUSI PENDIDIKAN BANTUAN KERAJAAN BOLEH* MENGADAKAN PENGAJARAN BAGI AGAMA SELAIN DARIPADA AGAMA ISLAM UNTUK MURID INSTITUSI ITU ATAU MANA-MANA DARIPADA DENGAN MEREKA TETAPI;**

- (A) *PENGADAAN SEDEMIKIAN TIDAK BOLEH DIBIYAI DENGAN WANG YANG DIPERUNTUKAN OLEH PARLIMEN; DAN*
- (B) *TIADA MURID BOLEH MENGIKUTI PENGAJARAN AGAMA SELAIN DARIPADA AGAMA YANG DIANUTI, KECUALI DENGAN KEIZINAN BERTULIS IBUBAPANYA;*

30.5 SETELAH MENELITI RAYUAN PARA SAKSI DAN ASAS PANDANGAN-PANDANGAN BERKAIT DENGAN PENGAJARAN AGAMA-AGAMA LAIN DI SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN, PIHAK JAWATANKUASA BERPENDAPAT BAHAWA PIHAK KERAJAAN PERLU BERSIMPATI DENGAN RAYUAN TERSEBUT DAN MENGAJI KEMUNGKINAN MEMBERIKAN KELONGGARAN MENGENAI PERKARA 51

- (A) DALAM AKTA TERSEBUT. APA YANG DICADANGKAN IALAH PINDAAN YANG BERSESUAI ATAU MEMBENTUK GARIS PANDUAN YANG JELAS MENGENAI SEKSYEN YANG DIMAKSUDKAN.

SEMEMANGNYA INI TERPULANG KEPADA KERAJAAN UNTUK MENIMBANGKANNYA SETELAH MENGAMBIL KIRA PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN DAN KEPENTINGAN KAUM SERTA KEPERCAYAAN RAKYAT MAJMUK DI MALAYSIA.

PINDAAN KEPADA SEKSYEN 51(A) PERLU MENJELASKAN APA SEBENAR YANG BOLEH ATAU TIDAK BOLEH DIBIYAI DENGAN WANG YANG DIPERUNTUKAN OLEH PARLIMEN. PADA SAAT INI, PENTAFSIRAN TERLALU BERGANTUNG KEPADA BUDI BICARA GURU BESAR ATAU PENGETUA DI SEKOLAH-SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN DAN INI TELAH MENIMBULKAN BANYAK MASALAH KEPADA PELAJAR DAN IBUBAPA.

TUAN YANG DIPERTUA,

31. ADALAH DIPERAKUI BAHAWA NILAI-NILAI MURNI ADALAH AMAT PENTING UNTUK MENGEKALKAN HUBUNGAN HARMONI YANG TELAH SEDIA TERJALIN DI ANTARA MASYARAKAT KITA TERMASUK AHLI-AHLI YANG BERHORMAT DI DEWAN YANG MULIA INI. OLEH KERANA ITU KITA HARUS MEMBUDAYAKAN SIKAP BERBUDI BAHASA DAN HORMAT MENGHORMAT SERTA MEWARISKAN BUDAYA INI KEPADA GENERASI KITA YANG AKAN DATANG.

SEBAGAI ANGGOTA DEWAN YANG MULIA INI, YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN OLEH RAKYAT SUPAYA BERTUGAS DENGAN PENUH DEDIKASI, KADANG KALA KITA MENGGUNAKAN PERKATAAN DI DEWAN YANG MULIA INI YANG MENYINGGUNG PERASAAN SEBAHAGIAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERLAINAN KAUM, KEPERCAYAAN BUDAYA DAN FAHAMAN POLITIK DENGAN KITA.

MUNGKIN KITA ANDAIKAN IA SEBAGAI GURAUAN SAHAJA NAMUN IA KADANG KALA BOLEH MELUKAKAN HATI AHLI-AHLI BERHORMAT YANG LAIN TANPA KITA SEDARI DAN INI BOLEH MENGGUGAT SUASANA HARMONI DEWAN YANG MULIA INI DAN DALAM PERHUBUNGAN ANTARA KAUM DI KALANGAN GOLONGAN WAKIL RAKYAT.

OLEH KERANA ITU JAWATANKUASA BERPENDAPAT KITA AKAN TERUS MENGAMALKAN BUDAYA TINGGI BUDI BAHASA DI ANTARA KITA SUPAYA KITA BOLEH MENJADI CONTOH KEPADA MASYARAKAT KITA TERUTAMANYA GENERASI MUDA YANG SALING MELAWAT DEWAN YANG MULIA INI DAN MEMERHATIKAN PROSIDING YANG BERLAKU.

HANYA DENGAN SIKAP DAN TINDAKAN SEDEMIKIAN KITA SEMUA AKAN DAPAT MEMASTIKAN PERPADUAN KAUM SENANTIASA TERPELIHARA DAN NEGARA MALAYSIA SENANTIASA AMAN DAN BERSATU, DAN DIWARISKAN KEPADA GENERASI YANG AKAN DATANG. KEDAULATAN NEGARA DAN KEMAKMURAN SERTA PERPADUAN RAKYAT JELATA SEHARUSNYA SENANTIASA DIJADIKAN MATLAMAT UTAMA PERJUANGAN POLITIK KITA SEMUA DI DEWAN YANG MULIA INI.

TUAN YANG DIPERTUA,

SAYA MOHON MENCADANG